

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**RAPID KL PERKENAL 2 LALUAN BAS BAHARU BAGI
MENAMPUNG KEPERLUAN LRT LALUAN KELANA JAYA**

KUALA LUMPUR, 17 Jun 2022 - Bagi menampung keperluan penumpang LRT Laluan Kelana Jaya, pihak Rapid KL akan memperkenalkan 2 laluan bas perantara yang baharu bermula 17 Jun 2022 dari jam 4.30 petang hingga 7.30 malam bagi menghubungkan stesen-stesen berikut;

- a. Stesen MRT Pasar Seni (Pintu B) dan Stesen LRT Universiti
- b. Stesen LRT KLCC (Hentian bas KLCC) dan Stesen LRT Wangsa Maju

Perkhidmatan bas sokongan ini akan mengambil penumpang di stesen LRT/ MRT yang dinyatakan di atas dan tidak akan berhenti di stesen-stesen lain. Kekekapan bas adalah setiap 15 minit.

Pengenalan laluan bas ekspres ini membolehkan pengguna menikmati perjalanan pulang dengan masa menunggu singkat ketika waktu puncak petang. Operasi laluan bas ini adalah dari hari Isnin hingga Jumaat sahaja dengan tambang adalah percuma.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad. Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Pegawai Komunikasi:

1. Mohd Sofian Hilmi 019-4601110